



KENDERAAN yang terperangkap dalam banjir kilat di Lebu Raya Besraya di Salak Selatan semalam.



KERETA Proton Perdana yang dihempap tiang lampu dalam kejadian hujan lebat di Jalan Pandan Indah semalam.

Ramai naik angin kerana banjir

KOSMO 7/4/06

Oleh **NAN HIDAYAT NAN AZMIE**
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Slogan 'Budi Bahasa Budaya Kita' tidak memberi makna kepada para pemandu kenderaan yang terperangkap dalam kesesakan lalu lintas.

Keadaan itu dibuktikan dalam kejadian banjir kilat yang melanda kedua-dua hala di Lebu Raya Besraya di Sungai Besi-Salak Selatan, petang semalam.

Tinjauan **KOSMO!** mendapati, para pemandu tidak kira usia gemar membunyikan hon kenderaan masing-masing kerana marah.

Malah ada pula di kalangan pemandu yang berasak-asak memotong barisan sehingga lebu raya tiga lorong menjadi empat lorong.

Lebih teruk apabila ada dua pemandu kereta yang terbabit dalam kemalangan kecil di Bangsar bergaduh menggunakan tukul besi sehingga memaksa seorang pemandu lari menyelamatkan diri ke Balai Polis Pantai.

Kesesakan teruk di kedua-dua hala lebu raya itu berlaku ekoran hujan lebat selama kira-kira dua jam sejak pukul 3 petang.

Keadaan itu menyebabkan air Sungai

Kerayong di kawasan tersebut turut melimpah keluar sehingga menyebabkan pekan Sungai Besi dan Jalan Chan Sow Lin dinaiki air kira-kira 0.5 meter.

Kesesakan itu bertambah buruk apabila sebuah treler rosak di Salak Selatan. Beribu-ribu kenderaan berbaris sepanjang 10 kilometer di kedua-dua hala lebu raya tersebut.

Bagaimanapun, kesesakan lalu lintas mulai reda pukul 7 malam apabila air surut dan treler tersebut pula dialihkan.

Selain banjir kilat yang berlaku di Lebu Raya Besraya, dua pemandu yang masing-masing memandu kereta Proton Perdana dan BMW yang melalui kawasan Pandan Indah nyaris maut apabila tiang lampu yang tiba-tiba tumbang menghempap kereta mereka.

Turut dilanda banjir kilat ialah di Taman Shamelin dan Bulatan Billion di Cheras, lalu ke Seremban berhampiran Lapangan Terbang Tentera Udara (TUDM) di Sungai Besi, Jalan Peel berhampiran bulatan Kampung Pandan dan di kawasan Institut Jantung Negara di Jalan Tun Razak.

Ia turut menjejaskan kawasan Batu 4 1/2, Jalan Klang Lama.

Keadaan tidak terkawal di ibu negara



ORANG ramai diarah turun dari bas ekoran kenderaan tersebut terperangkap di Lebu Raya Besraya di Salak Selatan semalam.

menyebabkan 10 pegawai dan 50 anggota trafik dikerahkan turun padang mengawal keadaan.

Jurucakap bomba pula berkata, dalam banjir kilat itu pihaknya menerima beberapa aduan mengenai beberapa buah kereta yang tersadai di tepi jalan akibat dimasuki air.